

**KEJOHANAN BOLA JARING JABATAN PERDANA MENTERI  
TAHUN 2019|2020**

---

**1. NAMA KEJOHANAN**

1.1. Kejohanan Bola Jaring Jabatan Perdana Menteri (JPM) Tahun 2019|2020

**2. PENGANJUR KEJOHANAN**

2.1. Pertandingan ini dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri, dikendalikan oleh Institut Perkhidmatan Awam bersama Polis DiRaja Brunei dan dibantu oleh Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BNA).

**3. TUJUAN**

3.1. Mengeratkan silaturrahim di kalangan warga Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

3.2. Menggalakkan pegawai dan kakitangan JPM untuk bergiat aktif dan cergas.

3.3. Mencari pemain yang berpotensi dan berkualiti untuk dilatih secara teratur bagi mewakili Jabatan Perdana Menteri ke kejohanan-kejohanan bola jaring dalam dan luar negara.

**4. TARIKH & TEMPAT KEJOHANAN**

Tarikh	<b>Hari Ahad, 29 Mac 2020</b>
Jam	<b>8:00 pagi – 12:00 tengahari 1:30 petang – selesai</b>
Tempat	<b>Multi-Purpose Hall (TBC)</b>

**5. SYARAT PENYERTAAN**

5.1. Penyertaan dibukakan kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

5.2. Setiap Jabatan hanya dibenarkan melibatkan tidak lebih dari **dua (02) orang** pemain (*imported players*) daripada Jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri sahaja.

5.3. Setiap pasukan hendaklah menghantar:

Pengurus Pasukan	-	1 Orang
Jurulatih	-	1 Orang
Pemain	-	10 Orang
Jumlah		<u>12 Orang</u>

## 6. BAYARAN PENYERTAAN

- 6.1. Pendaftaran untuk menyertai kejohanan ini adalah percuma.

## 7. PERATURAN

- 7.1. Peraturan dan undang-undang permainan akan dijalankan mengikut undang-undang permainan gabungan Persekutuan Bola Jaring Antarabangsa (FNA) dan Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam (BNA).
- 7.2. Sekiranya timbul perselisihan persoalan dari segi penafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 7.3. Jika kejadian di luar dugaan yang tidak dinyatakan dalam peraturan dan undang-undang berkenaan akan diputuskan seperti berikut:-
- 7.3.1. Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada undang-undang dalam Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam (BNA).
- 7.3.3. Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan penganjur adalah **muktamad**.

## 8. SISTEM PERTANDINGAN

- 8.1. Kejohanan ini dijalankan mengikut undang-undang The International Netball Federation (INF) dan The Asian Netball Federation, Regulation and Guidelines The International Rules of Netball 2018.
- 8.2. **Sistem perlawanan dijalankan mengikut penyertaan. Jika penyertaan kurang dari 7 (tujuh) pasukan, sistem perlawanan akan dijalankan secara *round robin*. Masa perlawanan ialah 7 minit x 2 dan rehat 3 minit.**
- Pasukan yang mendapat mata tertinggi akan dikira sebagai pemenang, jika mata keputusan seri, keputusan perlawanan akan dikira dari keputusan perlawanan sebelumnya.**
- 8.3. **Jika penyertaan melebihi 7 (tujuh) pasukan, sistem perlawanan diadakan dalam 3 peringkat:**
- 7.3.1. **Peringkat awal** – Masa perlawanan 7 minit x 2 dan rehat 2 minit. Dijalankan secara Liga satu pusingan dibahagikan kepada beberapa kumpulan tertakluk kepada banyak penyertaan.

8.3.2. **Peringkat separuh akhir** - Masa perlawanan 7 minit x 2 dan rehat 3 minit.  
Dijalankan secara kalah mati (Knock Out) dimana Naib Johan Kumpulan A akan berlawan dengan Naib Johan Kumpulan B dan Johan Kumpulan B akan berlawan dengan Naib Johan Kumpulan A.

8.3.3. **Peringkat akhir** – Masa perlawanan 10 minit x 2 dan rehat 3 minit.

8.4. Kedua-dua pasukan yang berjaya diperingkat separuh akhir akan berlawan ke peringkat akhir untuk menentukan Johan dan Naib Johan. Manakala pasukan yang kalah diperingkat separuh akhir akan bertanding untuk menentukan tempat ketiga.

8.5. Setiap pasukan hendaklah menurunkan minima 5 pemain, pasukan yang menurunkan kurang daripada 5 pemain dikira kalah.

8.6. Semua pasukan hendaklah berada ditempat perlawanan 30 minit sebelum masa perlawanan dimulakan.

8.7. Mana-mana pasukan yang tidak hadir setelah lewat 10 minit daripada masa perlawanan dikira menarik diri dari keseluruhan perlawanan.

8.8. Dalam perlawanan menentukan kemenangan yang berakhir dengan **SERI**, masa 2 minit rehat akan di berikan. Perlawanan akan diteruskan selama 5 minit.

**(Undang-undang extra time rules akan diguna pakai)**

## 9. PENENTUAN KEMENANGAN

### 9.1. CARA LIGA

8.1.1. Mata-mata kemenangan adalah seperti berikut:

a)	Menang	-	2 Mata
b)	Kalah	-	0 Mata
c)	Seri	-	1 Mata

9.2. Kemenangan bagi pertandingan secara **LIGA** ditentukan daripada **jumlah mata yang terbanyak** .

9.2.1. Jika berlaku seri pada jumlah mata, keputusan akan ditentukan dengan jumlah gol, pasukan yang mendapat jumlah gol yang banyak akan dikira sebagai pemenang ;

9.2.2. Sekiranya masih seri, pasukan yang kurang 'bolos' dikira sebagai pemenang ;

9.2.3. Sekiranya masih seri, pasukan yang pernah mengalahkan lawannya diperingkat awal dikira sebagai pemenang ;

9.2.4. **Purata gol hanya** akan digunakan jika perbezaan gol tidak dapat menentukan pasukan yang menang ;

- 9.2.5. **Purata gol** dikira dengan jumlah gol dibahagi dengan jumlah gol yang diperolehi pasukan lawan. (*Goal average is calculated by taking the total goals scored by the team divided by the total goals scored against the team*) ;
- 9.2.6. Pasukan yang memperolehi purata terbanyak akan diisytiharkan sebagai pemenang. (*The team with the greater positive goals average will be the winner*).
- 9.3. Bagi pertandingan yang dijalankan secara **KALAH MATI**. Jika keputusan perlawanan berakhir dengan **SERI**, maka keputusan pertandingan akan ditentukan secara berikut (**extra time rule akan diguna pakai**)
  - 9.3.1. Apabila tamat masa perlawanan, pasukan akan diberi masa **rehat selama (2) minit** ;
  - 9.3.2. Masa tambahan selama **dua (2) x lima (5) minit** setiap suku akan dimainkan ;
  - 9.3.3. Undang-undang hantaran tengah akan digunapakai ;
  - 9.3.4. Pasukan bertukar kawasan gol diseparuh masa tanpa rehat ;
  - 9.3.5. Sekiranya berlaku seri di akhir masa tambahan, permainan akan diteruskan sehingga satu pasukan yang mendapat **dua (2) kelebihan gol**.

#### **10. PAKAIAN**

- 10.1. Hendaklah memakai baju yang bersesuaian. **TIDAK** dibenarkan memakai **legging**. Pemain-pemain hanya dibenarkan memakai seluar **Straight Cut** ;
- 10.2. Jika kedua-dua pasukan menggunakan warna yang sama (*donning bib*), pasukan pertama yang tersenarai dalam jadual dikehendaki menukar warna bib.

#### **11. UMPIRES /PENGADIL**

- 11.1. Pengadil-pengadil terdiri daripada pengadil-pengadil bertauliah dari Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam ;
- 11.2. Pengadil akan memeriksa pemain-pemain 30 minit sebelum perlawanan ;
- 11.3. Keputusan pengadil adalah muktamad (**will not be subject to appeal**).

**12. KEDUDUKAN PASUKAN (BENCH PROTOCOL AND ALLOCATION)**

- 12.1. Pasukan yang pertama tersenarai dalam jadual akan duduk di sebelah kanan pencatat (scorer's desk) pasukan kedua akan duduk di sebelah kiri.

**13. RAYUAN DAN BANTAHAN**

- 13.1. Setiap bantahan dan rayuan hendaklah dibuat oleh ketua pasukan secara bertulis kepada Jawatankuasa Teknikal Kejohanan dalam tempoh tidak lebih 30 minit selepas tamat sesuatu perlawanan dengan menyertakan wang cengkeram sebanyak BND\$100 (Ringgit: Seratus Sahaja );
- 13.2. Bagaimana pun keputusan jawatankuasa bantahan dan rayuan tidak dapat mengubah keputusan yang dibuat pengadil dalam satu-satu perlawanan. Sekiranya rayuan tersebut berjaya, wang cengkeram tersebut akan dikembalikan akan tetapi, jika bantahan dan rayuan gagal maka wang tersebut akan menjadi milik Jawatankuasa Penganjur ;
- 13.3. Penganjur berhak meminda/membatalkan peraturan yang sedia ada. Keputusan Penganjur adalah mukatamad.

**14. JURI RAYUAN**

- 14.1. Juri rayuan akan dianggotai oleh:-
- 14.1.1. Seorang pengerusi jawatankuasa pengelola bola jaring atau wakilnya ;
- 14.1.2. Seorang setiausaha jawatankuasa pengelola atau wakilnya ;
- 14.1.3. Sebarang keputusan yang telah diumumkan oleh jawatankuasa pengelola mengenai bantahan/rayuan ini adalah muktamad.

**15. MENARIK DIRI**

- 15.1. Pasukan tidak di benarkan menarik diri setelah undian dijalankan.

**16. TATATERTIB**

- 16.1. Semua pemain, pengurus, jurulatih dan pemain-pemain berdaftar dikehendaki menyertai dengan penuh semangat kesukanan di samping menghormati dan mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang ditentukan serta menghormati pihak lawan.

**17. HADIAH-HADIAH**

- |             |   |                                  |
|-------------|---|----------------------------------|
| 17.1. Johan | : | Piala, pingat & sijil penyertaan |
| Naib Johan  | : | Piala, pingat & sijil penyertaan |
| Ketiga      | : | Piala, pingat & sijil penyertaan |
| Saguhati    | : | Sijil penyertaan                 |

**18. MESYUARAT PENGURUS PASUKAN**

- 18.1. Mesyuarat pengurus pasukan **MESTI** dihadiri oleh pengurus pasukan atau jurulatih pasukan. Mesyuarat pengurus-pengurus pasukan akan diadakan pada hari Selasa, 24 Mac 2020 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam.

**19. TARIKH TUTUP PENDAFTARAN**

- 19.1. Tarikh tutup pendaftaran tidak lewat pada **hari Sabtu, 14 Mac 2020**. Borang pendaftaran bolehlah dihantar kepada :

**Pejabat Hal Ehwal Korporat  
Aras 4, Institut Perkhidmatan Awam  
Simpang 256-24, Jalan Kampong Rimba  
Gadong BE3119  
atau  
emel : oca@ipa.gov.bn**

***Untuk maklumat lanjut mengenai kejohanan sila hubungi:***

- ❖ ASP Normazlina binti Emran (normazlina.emran@police.gov.bn) : +673 7181424
- ❖ Hajah Rabi'atul Hibriyah Haji Kamis (rabiatul.kamis@ipa.gov.bn) : +673 7171214

**KEJOHANAN BOLA JARING JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM TAHUN 2019|2020**

<b>NAMA PASUKAN</b>		
<b>NAMA PENGURUS</b>		
<b>NAMA JURULatih</b>		
<b>NOMBOR YANG DIHUBUNGI</b>	<b>TEL.PEJABAT</b>	
	<b>TEL.BIMBIT</b>	
	<b>EMAIL</b>	
	<b>WARNA BIB</b>	

<b>BIL</b>	<b>NAMA PEMAIN</b>	<b>JABATAN</b>	<b>POSISI</b>	<b>BIL KAD PINTAR</b>
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				

\_\_\_\_\_  
**Nama / Tandatangan PENGURUS PASUKAN**

**Tarikh:**

**\*\* TARIKH TUTUP PENDAFTARAN TIDAK LEWAT HARI SABTU, 14 MAC 2020**

**\*\* BORANG PENDAFTARAN BOLEHLAH DIHANTAR KEPADA :  
PEJABAT HAL EHWAL KORPORAT  
ARAS 4, INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM  
SIMPANG 256-24, JALAN KAMPONG RIMBA  
GADONG BE3119**

**ATAU**

**EMEL : OCA@IPA.GOV.BN**